



## KENYATAAN MEDIA

### **PROGRAM PEMODENAN VESEL DAN MEKANISASI TANGKAPAN**

1. Malaysia merupakan antara negara di dunia yang bertuah kerana mempunyai perairan yang kaya dengan sumber perikanan. Perubahan masa telah membawa cabaran baru dimana kaedah sedia ada dilihat tidak lagi berdaya saing dari segi kos dan kualiti ikan. Melalui Dana Jaminan Makanan (DJM) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), **Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan menyediakan pembiayaan sehingga RM 5 juta ringgit pada kadar 3.5% bagi tempoh 10 tahun kepada nelayan Zon A dan B untuk menaiktaraf peralatan, pukot dan bot.** Ini merupakan satu inisiatif yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2021 bagi tujuan transformasi nelayan ke arah industri perikanan laut dalam.
2. Perkara ini adalah selari dengan konsep pemodenan vesel tangkapan ikan yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan (DOF) bagi membantu golongan sasaran. Pemodenan vesel dengan menggunakan teknologi IR 4.0 akan memberi **satu tranformasi baru dalam sektor perikanan. Penggunaan teknologi peralatan menangkap ikan yang moden dan mesra alam dapat membantu kecekapan pengoperasian vesel di samping dapat menjimatkan masa** terutamanya vesel yang menangkap ikan di laut dalam (*deep sea fishing*).
3. **Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan** ini juga akan dapat meningkatkan lagi jumlah pendaratan ikan bagi tujuan bekalan makanan. Ianya juga akan dapat **membantu menjana pendapatan nelayan, meningkatkan ekonomi nelayan dan menambah baik keselamatan nelayan.** Penggunaan mekanisasi dan automasi peralatan bagi vesel moden juga akan dapat **mengurangkan kos tenaga kerja terhadap pengusaha vesel dan kebergantungan kru asing.** Melalui program ini, pekerjaan nelayan tempatan dalam sektor perikanan dapat dikekalkan dan secara tidak langsung akan menggalakkan belia untuk menceburi industri perikanan.

4. Adalah menjadi hasrat Jabatan Perikanan dan kementerian untuk melihat sektor perikanan menjadi sektor yang berdaya saing dalam masa yang sama memberi impak positif kepada ekonomi negara dan rakyat. Bagi tujuan ini sebanyak RM 150 juta dana telah diperuntukkan kepada MAFI. Dana pembiayaan ini disediakan melalui Agrobank dan TEKUN dengan kerjasama dari Jabatan Perikanan Malaysia.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

**28 Disember 2020 (Isnin) jam 6.00 petang**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)